

Mahathir hurai cara capai matlamat 30% menjelang '90

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, semua usaha Kerajaan mencapai 30 peratus penyeritaan Bumiputera dalam bidang Perdagangan dan Perindustrian dalam tahun 1990 boleh berhasil jika Bumiputera dan kaum-kaum lain memberi kerjasama.

Bellau memberitahu Dewan Rakyat dasar dan tindakan Kerajaan sahaja tidak akan berjaya melainkan mereka yang dijadikan tumpuan memahami dasar Kerajaan dan menyediakan diri untuk mengurus hasil yang didapati oleh mereka.

Menjawab soalan mulut Encik Mohd. Bakri bin Abdul Rais (BN-Panti), Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan berazam memajukan potensi keusahawan individu Bumiputera supaya membentuk satu masyarakat perdagangan dan perindustrian yang

KUALA LUMPUR, Isnin

sebenarnya di kalangan mereka.

Bellau menyebut dengan adanya masyarakat perdagangan Bumiputera yang berkembang dan aktif dan dengan bertambahnya pendapatan Bumiputera keseluruhannya dapatlah mereka mengumpul wang membeli saham yang sekarang dipegang secara amanah oleh agensi-agensi kerajaan seperti Pernas, MARA, UDA dan lain-lain lagi.

Pada masa ini, katanya, agensi-agensi tersebut merupakan tambahan kepada usaha individu Bumiputera dalam mencapai matlamat kadar penyeritaan 30 peratus Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian menjelang tahun 1990.

Menurutnya, matlamat DEB meliputi penyeritaan aktif kaum Bumiputera bukan sahaja dalam bidang perniagaan, tetapi dalam pemilikan saham syarikat-syarikat dan perusahaan perniagaan.

Kerajaan sudah mempunyai dasar yang jelas mengenai

pemilikan modal saham di dalam sektor swasta, misalnya dalam sektor perkilangan sahaja sejak tahun 1931 hingga akhir tahun 1977. Jumlah saham yang dikhaskan kepada Bumiputera ialah \$1,162.8 juta yang merupakan 32.2 peratus daripada jumlah modal saham yang dicadangkan iaitu \$3,607.4 juta.

"Oleh itu katanya, mereka yang mempunyai kewangan yang cukup boleh membeli saham-saham yang dikhaskan itu."

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu, Bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa sumber kewangan Bumiputera adalah terhad bagi mereka membeli saham-saham yang dikhaskan itu.

Oleh itu, Kerajaan telah menjalankan rancangan-rancangan untuk meniggikan taraf ekonomi mereka, menggalakkan mereka menyimpan wang untuk dilaburkan serta menubuhkan agensi yang memegang amanah untuk kaum Bumiputera.

Penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputera baru-baru ini, katanya, merupakan satu langkah ke arah matlamat

tersebut. Yayasan tersebut telah diberi peruntukan awal \$200 juta, antara lain bertujuan untuk membeli saham-saham yang telah diperuntuk tetapi tidak dibeli oleh golongan Bumiputera.

Menurutnya, bila mereka berkeupayaan kelak, saham-saham tersebut akan dijual dan diambilalih oleh mereka yang berkenaan.

Di samping itu, tambahnya, Kompleks Kewangan ditubuhkan untuk membolehkan kaum Bumiputera secara tidak langsung memiliki saham dalam syarikat-syarikat tertentu melalui 'portfolio management' seperti Amanah Saham MARA Berhad dan Amanah Saham MARA Nominees Berhad.

Sementara itu, menurutnya, terdapat juga Kerajaan-Kerajaan Negeri yang mengambil langkah yang sama seperti Kerajaan Negeri Perak dan Johor.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bagi mencapai matlamat pemilikan saham tersebut, Kerajaan telah menggalakkan secara aktif institusi Bumiputera untuk membeli saham-saham yang dipegang secara amanah kepada kaum Bumiputera melalui unit-unit amanah, syarikat-syarikat kerjasama dan kewangan-kewangan lain seperti Tabung Haji, Tabung Tentera, Kewangan Pelaburan Bumiputera dan lain-lain.

Menjawab soalan tambahan dari Encik Shamsuri Hj. Salleh (BN-Balik Pulau) tentang adanya pembelian saham yang dikhaskan untuk Bumiputera dengan menggunakan nama ketua lain, bellau berkata:

Kerajaan sedar perkara itu tapi tak mungkin semuanya dapat diawasi.

No. Sel. 1174
No. Pen. 1145/80

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia